

Dr. M mahu rakyat berani ceburi industri elektronik

SHAH ALAM 17 Dis. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu rakyat Malaysia merigejar teknologi dan berani memasuki bidang industri elektronik kerana ia mempunyai masa depan yang baik.

Menurut Perdana Menteri, rakyat Malaysia mampu berbuat demikian memandangkan banyak peluang dari kemasukan pelabur Taiwan yang majoritinya disumbangkan oleh syarikat kecil dan sederhana.

"Ini bermakna, daripada segi jumlah pelaburan modal dan input teknologi, kebanyakan projek tersebut mampu disertai oleh rakyat Malaysia dan secara langsung membuka peluang kepada syarikat tempatan mempertingkatkan lagi pencapaian mereka daripada aspek proses pembuatan, pengurusan dan pemasaran," katanya ketika berucap merasmikan kilang Chunghwa Picture Tubes (M) Sdn. Bhd. di sini hari ini.

Beliau memberitahu, Malaysia kini sedang mengorak langkah untuk menjadi pengeksport utama peti televisyen ke pasaran dunia di samping menjadi pengeksport kedua terbesar penghawa dingin bilik.

Beliau yakin, dengan usaha gigih syarikat-syarikat terbabit, jumlah keluaran peti televisyen boleh mencapai 10.5 juta unit setahun atau tiga kali ganda daripada keluaran sekarang.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, sejajar dengan Wawasan 2020, kerajaan perlu mengkaji semula dasar serta skim galakan yang diberikan kepada pelaburan asing, khususnya sektor industri.

Beliau berpendapat, galakan yang berlebihan serta bertenaran akan mengurangkan kecakapan syarikat dan menjejaskan daya saing di pasaran antarabangsa.

"Saya difahamkan, kajian semula dasar ini telah menimbulkan rasa tidak senang hati

di kalangan para pelabur. Ingin saya jelaskan bahawa galakan cukai boleh disamakan sebagai "icing on the cake," ujanya.

Menurut Perdana Menteri, apa yang lebih penting ialah mewujudkan suasana pelaburan yang sihat dengan menentukan galakan bukan berbentuk cukai seperti ekonomi yang kukuh, kestabilan politik, kerjasama rapat antara jentera kerajaan dan sektor swasta serta kedudukan sumber manusia selaras dengan kehendak industri.

"Semua ini terdapat di Malaysia," tambah beliau sambil menyatakan rasa gembiranya dengan sambutan yang ditunjukkan oleh pelabur asing dan tempatan yang sentiasa menyokong usaha kerajaan untuk mempertingkatkan lagi kemajuan ekonomi negara.

Walaupun begitu, Dato' Sri Dr. Mahathir memberi jaminan bahawa dasar yang akan

dirumuskan semula itu tidak akan dilaksanakan tanpa mengambil kira maklum balas daripada sektor swasta.

Katanya, kerajaan sedar bahawa sektor swasta merupakan jentera penggerak ekonomi ke arah pencapaian matlamat Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang bertaraf maju.

Di samping itu, kata beliau, kerajaan juga akan meneruskan usahanya untuk menyediakan infrastruktur yang cukup termasuk bekalan tenaga manusia yang berpelajaran untuk keperluan sektor industri dengan kerjasama sektor swasta.

Ketika bercakap kepada para pemberita kemudiannya, Perdana Menteri berkata, hanya pelabur yang mahu mencari tenaga buruh murah sahaja tidak akan datang ke negara ini kerana ia (tenaga buruh murah) tidak terdapat di Malaysia.